

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM YAKIN BARISAN BERKUASA SEMULA...

KUALA LUMPUR, Selasa — Barisan Nasional akan berkuasa semula semua Kerajaan Negeri termasuk Kedah, Kelantan, Trengganu dan Perlis di samping Kerajaan Pusat.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika diminta mengulas penilailan terakhir setelah berkempen terus menerus dua minggu memberitahu petang ini:

"Barisan Nasional akan berkuasa semula di

semua 11 buah negeri dan Kerajaan Pusat."

PAS yang mendakwa akan merampas salah sebuah negeri sama ada Kelantan, Trengganu, Kedah atau Perlis dikatakan 'melepas' untuk menguasai mana-mana negeri.

PAS dikatakan gagal menarik pengaruh rak-

yat Kelantan menyokong mereka seperti pernah diperolehi 18 tahun lalu.

PAS Kelantan dikatakan akan dapat tidak lebih dari lapan kerusi termasuk dua kerusi yang dimenangi tanpa bertanding.

Tetapi angka tersebut tidak mungkin tercapai kerana pengundi Kelantan kini lebih tertarik dengan laluan pembangunan yang dibawa oleh Barisan Nasional.

Dakwaan

Di Trengganu meskipun Pengarah Pilihanraya PAS negeri itu, Encik Mustapha Ali mendakwa menguasai 15 kerusi tetapi dakwaan itu mungkin meleset.

Penganalisa politik percaya paling tinggi PAS akan mendapat lima kerusi saja.

Manakala di Kedah, jika PAS dapat mengekalkan lima kerusi Dewan Undangan Negeri dan dua Parlimen sudah bernasib baik.

Datuk Seri Dr. Mahathir kelihatan optimis, memberitahu PAS tidak mungkin menguasai mana-mana Kerajaan Negeri.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas sama ada kemenangan BN kali ini merupakan 'sapu bersih' atau tidak.

Sambil tersenyum beliau berkata: "Terasah kepada kamu mentafsirkan.

No. Siri 2644

No. Penerimaan 389/85